

CNS2947

U GB 17-12 00185 BB304

BAH

Mahathir - Demokrasi

MALAYSIA AMAN KERANA RAKYATNYA FAHAM DEMOKRASI

JITRA, 17 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad berkata bahawa negara ini aman kerana rakyatnya memahami cara demokrasi, berdisiplin dan dapat membendung perasaan daripada menguasai tindak-tanduk mereka.

Katanya, Malaysia merupakan sebuah negara yang sukar diperintah kerana mempunyai penduduk yang berbilang kaum dan agama tetapi dapri mengekalkan keamanan kerana masing-masing +tahu membawa diri+.

Beliau berkata, kejayaan Malaysia mengekalkan keamanannya dalam keadaan masyarakat majmuk kini menjadi teladan dan mahu dicontohi sesetengah negara lain.

+Kalau dulu banyak orang asing mengatakan kita tidak demokratik kerana menekan orang itu dan orang ini, tetapi sekarang ini orang asing ini datang ke Malaysia untuk mengetahui bagaimana rakyat negara ini boleh hidup dalam keadaan berbilang kaum dengan tidak ada masalah,+ katanya ketika berucap pada majlis +Sepetang Bersama Perdana Menteri+ di Sekolah Kebangsaan Seri Banai di sini hari ini.

Beliau berkata, kini sudah ada penyelidikan dari universiti yang mahu membuat kajian mengenai bagaimana rakyat berbilang kaum di negara ini boleh hidup dalam keadaan harmoni dan sama-sama membanggukan negara. -- Lagi.

17/12/20-30MST

CNS2948

U GB 17-12 00126 BB305

BAH

Mahathir - Demokrasi 2 (Akhir) Jitra

Perdana Menteri berkata, keadaan aman di negara ini boleh bertukar menjadi sebaliknya jika rakyat, kesatuan sekerja dan parti-parti politik tidak tahu memanfaatkan demokrasi.

+Kita memberi kebebasan kepada pekerja menubuhkan kesatuan sekerja tetapi kalau selalu mogok meminta gaji dinaikkan tetapi kerja dikurangkan semua barang akan naik harga dan rakyat juga yang akan risau, katanya.

Beliau berkata, negara juga akan menjadi huru-hara sekiranya parti-parti politik suka berkelahi, mengadakan rusuhan dan amaki-hamu.

Dr Mahathir juga berkata, kefahaman rakyat mengenai demokrasi juga dapat menghindarkan pemimpin daripada mencari kepentingan diri kerana mengikut sistem demokrasi rakyat berhak menukar pemimpin yang sedemikian.

Beliau juga mengingatkan rakyat bahawa demokrasi tidak memberi kebebasan yang tidak terhad. -- Bernama.

17/12/20-31MST

CNS2949